

Malaysia berada di landasan tepat

UB 11-7-2019 A8

Oleh JOHN TAMBANAN

► Capai Agenda 2030 untuk Matlamat Pembangunan Mapan

KOTA KINABALU: Malaysia berada di landasan yang tepat bagi mencapai Agenda 2030 untuk Matlamat Pembangunan Mapan (SDG).

Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Isnaraissah Munirah Majlis berkata, komitmen kerajaan terhadap agenda pembangunan mapan adalah dilaksanakan melalui Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia ke-11 (RMKe-11) yang dibentangkan pada 18 Oktober 2018.

“Dalam hubungan ini, komitmen untuk pembangunan mapan telah diselaraskan dengan strategi dan inisiatif RMKe-11,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Simposium Bioteknologi Antarabangsa Keenam di The Pasific Sutera Harbour Resort, di sini pada Rabu.

Turut hadir, Penolong Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Dr Marcus Japony, Pengarah Institut Penyelidikan Bioteknologi UMS Dr Zarina Amin dan Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Simposium Bioteknologi Antarabangsa Keenam AP Dr Kenneth Francis Rodrigues.

Isnaraissah berkata, objektif pembangunan mapan untuk Malaysia 2018, penunjuk SDG Malaysia meliputi 17 matlamat, 169 sasaran dan 244 penunjuk untuk mengukur pencapaian pembangunan secepat yang terdiri daripada aspek sosial, ekonomi dan alam sekitar.

Beliau berkata, Malaysia



ISNARAISAH (tengah, barisan depan), Marcus, Zarina dan Kenneth bergambar bersama para penceramah dan peserta Simposium Bioteknologi Antarabangsa Keenam.

memulakan perjalanannya ke atas pembangunan mapan sejak tahun 1970 apabila Dasar Ekonomi Baharu (DEB) diperkenalkan pada tahun 1970 untuk membasmi kemiskinan dan menyusun

pengagihan yang saksama kepada semua masyarakat, akses kepada infrastruktur dan utiliti asas, akses kepada pendidikan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan dan pemuliharaan alam sekitar

sekitar.

“Sebanyak 48 peratus negara kita masih hutan dara. Malaysia komited untuk pembangunan mapan. Kita telah mengambil langkah-langkah, contohnya dalam meningkatkan kaedah pengeluaran untuk memastikan pengeluaran minyak sawit kita berada dalam keadaan mapan,” katanya.

Katanya, menjelang Disember 2019, Piawai Minyak Sawit Malaysia (MSPO) akan menjadi mandatori.

“Ini akan memastikan setiap titisan minyak sawit yang dihasilkan di Malaysia akan disahkan lestari menjelang 2020, maka Malaysia tidak akan memulihkan lagi laluan kepada pembangunan mapan tetapi ia merupakan satu proses yang sedang berjalan,” katanya.

Simposium itu yang diadakan selama dua hari itu bermula 10 Julai dihadiri seramai 109 orang dari 32 pertubuhan dan agensi di Malaysia, Indonesia, Australia dan United Kingdom.

“Komitmen kerajaan terhadap agenda pembangunan mapan adalah dilaksanakan melalui Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia ke-11 (RMKe-11) yang dibentangkan pada 18 Oktober 2018.”

ISNARAISAH MUNIRAH MAJLIS

Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim.

semula ketidakseimbangan masyarakat.

“Semua rancangan pembangunan Malaysia yang dilaksanakan sejak lima tahun yang lalu telah menekankan elemen pembangunan mapan merangkumi pertumbuhan ekonomi yang mapan, pertumbuhan dengan

yang utama,” katanya.

Isnaraissah berkata, ucapan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad semasa perbincangan umum sesi ke-73 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York menyatakan bahawa kita di Malaysia menjaga alam